

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1997/98

Februari 1998

YBP 304 - Perhubungan Awam

Masa: 2 jam

ARAHAN KEPADA CALON:

*Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi 2 muka surat bercetak dan **EMPAT** soalan sebelum anda memulakan peperiksaan ini.*

Jawab TIGA (3) soalan. Soalan 1 dan 2 diwajibkan dan pilih satu soalan yang lain. Semua jawapan mesti ditulis dalam Bahasa Malaysia.

Agihan markah bagi soalan diberikan di sudut sebelah kanan soalan berkenaan.

1. Jelaskan konsep dan elemen-elemen berikut:

- a. Pemudah Komunikasi (Communication facilitator)
- b. Kaedah penyelidikan informal
- c. Elemen-elemen dalam model proses komunikasi
- d. "Spiral of Silence"
- e. Ciri-ciri mesej komunikasi perhubungan awam

(100 markah)

2. Pada 25 Disember 1997, letupan kuat dari kilang Shell Middle Distillate Synthesis (SMDS) telah menggemparkan masyarakat di sekitar Kindurung, Bintulu, Sarawak. Dua buah tangki hasil sampingan gas asli telah meletup dan berlaku kebakaran. Beberapa pekerja telah cedera parah.

Kindurung adalah kawasan industri yang padat dengan kilang-kilang menghasilkan produk mudah bakar (inflammable). Kejadian ini telah menakutkan masyarakat sekitar terhadap keselamatan mereka.

Perihalkan langkah-langkah yang perlu diambil oleh perhubungan awam Syarikat Shell dalam menghadapi dan menangani krisis seperti ini di samping meyakinkan masyarakat sekitar Kindurung khususnya dan Bintuli amnya bahawa kejadian seperti itu tidak akan berulang.

(100 markah)

...2/-

3. Jelaskan kenapa perancangan perhubungan awam itu penting dan rangkakan langkah-langkah yang perlu anda ambil dalam merangka perancangan strategik perhubungan awam.

(100 markah)

4. Bincangkan potensi dan masalah adaptasi teknologi internet dalam bidang perhubungan awam di Malaysia.

(100 markah)

-oooOooo-